

MAHATHIR - ANAK  
(I)

DARI WAN A. HULAIMI  
1983

BRIGHTON (ENGLAND), 12 MAC (BERNAMA) -- KEJAYAAN SESEORANG ANAK ITU DALAM BIDANG PELAJARAN BESAR ERTINYA BAGI AYAH DAN IBUNYA TIDAK MENGIRA SAMA ADA MEREKA ITU KENAMAAN ATAU PUN ORANG BIASA.

BEGITU JUGALAH KEADAANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN DATIN SERI DR SITI HASMAH HARI INI APABILA ANAK MEREKA, MIRZAN, LULUS DENGAN KEPUJIAN KELAS KEDUA DALAM PENGAJIAN KOMPUTER SAINS DI POLITEKNIK BRIGHTON DI SINI.

MIRZAN, 24, KINI BEKERJA DI SEBUAH FIRMA KOMPUTER DI KUALA LUMPUR, MEMERIMA SKROLNYA HARI INI DARI TETAMU KEHORMAT POLITEKNIK ITU, SIR DONALD BARRON, PENERUSI BANK MIDLAND.

DATIN SERI DR HASMAH, YANG BEGITU JELAS KERIANGANNYA, KELIHATAN SIBUK MENGAMBIL GAMBAR ANAKNYA YANG KETIKA ITU SEDANG TURUN DARI PENTAS BERSAMA-SAMA BERATUS GRADUAN LAIN.

PERDANA MENTERI DAN DATIN SERI HASMAH, YANG DUDUK BERSAMA-SAMA IBUBAPA YANG LAIN, TELAH MENDENGAR PENGARAH POLITEKNIK BRIGHTON ENCIK G.R. HALL MENYATAKAN KESAL DALAM UCAPAN PEMBUKAANNYA BAHAWA TINDAKAN KERAJAAN BRITISH TELAH MENGAKIBATKAN 'BERTAMBAH SUKARNYA' PENUNTUT SEBERANG LAUT DATANG KE BRITAIN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN. -- LAGI 2025/MB

ZCZC 8671

MAHATHIR - ANAK 2 BRIGHTON (ENGLAND)

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAWAT KILANG INTERNATIONAL AUTOMOTIVE DESIGN DI LONDON.

SEMENTARA ITU, SEORANG PENUNTUT MALAYSIA, LAM SOO CHIN, MENDAPAT IJAZAH KELAS PERTAMA DALAM KOMPUTER SAINS DI POLITEKNIK YANG SAMA.

LAM, DARI PETALING JAYA, IALAH BEKAS PELAJAR ST. JOHN'S INSTITUTION, KUALA LUMPUR. -- BERNAMA 2028/MB